

**BURSA MALAYSIA: Harga Saham Akhiri Sesi Pagi Dalam Lingkungan Negatif  
Bernama  
1 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Harga saham di Bursa Malaysia mengakhiri sesi dagangan pagi dalam lingkungan negatif Selasa kerana tekanan jualan di kaunter-kaunter berwajaran tinggi terpilih, kata peniaga.

Pada pukul 12.30 tengah hari, indeks penanda aras, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI), turun 2.32 mata kepada 1,848.41, setelah berlegar di antara 1,846.5 dan 1,852.29.

Petronas Chemicals mengalami kejatuhan terbesar, iaitu sebanyak 12 sen atau 1.74 peratus kepada RM6.79.

Ini diikuti oleh IOI Corp yang turun tujuh sen kepada sen kepada RM4.73.

Saham rugi mengatasi saham untung dengan jumlah 367 berbanding 299, manakala 323 kaunter tidak berubah, 619 tidak diniagakan dan 13 yang lain digantung urus niaga.

Sejumlah 972.55 juta saham bernilai RM839.86 juta telah diniagakan.

Di papan skor, Indeks Perusahaan jatuh 9.85 mata kepada 3,182.27, Indeks Kewangan turun 26.56 mata kepada 16,604.27 dan Indeks Perladangan merosot 60.54 mata kepada 8,899.68.

Indeks FBM Emas jatuh 37.45 mata kepada 12,760.19, Indeks FBMT100 merosot 42.85 mata kepada 12,415.12, dan Indeks FBM 70 susut 56.39 mata kepada 13,934.52, manakala Indeks FBM Ace meningkat 23.17 mata kepada 6,684.47.

Antara saham cergas, Masterskill Education naik 4.5 sen kepada 47.5 sen, Fitters Diversified mengukuh lima sen kepada RM1.02, manakala Ingenuity Consolidated kekal pada 10 sen, dan Xidelang susut 1.5 sen kepada 27 sen.

Bagi saham-saham berwajaran tinggi, Maybank dan CIMB masing-masing turun sesen kepada RM9.67 dan RM7.14, Tenaga masih pada RM11.96 manakala Axiata mengukuh dua sen kepada RM6.69.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026749>